

# Rakyat Malaysia perlu satu sama lain

kan pelajaran, kita akan mendapati peluang-peluang belajar pada peringkat-peringkat rendah dan menengah rendah sebelum adanya dasar pelajaran kebangsaan dulu, amat kurang jika dibandingkan dengan peluang-peluang yang ada sekarang. Walaupun begitu, tidak ada penyalagunaan dadah pada masa itu.

Pada masa itu hanya orang-orang yang lebih tua saja menghisap candu, dan bukan orang-orang muda. Tetapi sekarang orang-orang yang lebih muda terlibat dalam penggunaan dadah. Ini bukanlah disebabkan didikan, tetapi berpunca dari pengaruh Barat.

Sebagai contoh, pada masa dulu perhubungan antara belia kita dengan belia dari lain-lain negara amat sedikit. Tetapi sekarang kita dengan begitu ce-

rusnya membiarkan diri kita dipengaruhi oleh imosi. Kita mesilah mendapatkan pemimpin-pemimpin yang bersedia untuk berunding dan bukan yang suka berkonfrontasi.

Ini perlu bagi pemimpin-pemimpin kita di masa akan datang dan juga yang ada sekarang. Saya fikir perlu bagi seseorang pemimpin muda berunding dengan orang lain untuk sama-sama menyelesaikan masalah-masalah.

• **Soal:** Adakah Doktor mendapati jenerasi muda berbuat demikian?

• **Jawab:** Saya fikir masalah yang kita hadapi sekarang ialah mereka tidak selalu berdamping, kecuali semasa berada di universiti-universiti. Misalnya, sekolah-sekolah sekarang lebih banyak dipisah-pisahkan menurut garisan-garisan kaum pada masa ini.

kurang puas hati dengan keadaan di sekeliling mereka. Bila komunis nampak ada peluang untuk mencapai kejayaan, bilangan mereka akan bertambah. Inilah ancaman yang kita hadapi sekarang, kerana senjata-senjata kiam moden dan cara perjuangan bertambah baik. Roker-roket dan bom-bom perangkap menyebarkan satu kumpulan kecil orang-orang untuk mengganas ke atas kumpulan orang-orang yang lebih besar. Inilah menyebabkan masalah keselamatan lebih runcing sekarang berbanding dengan beberapa tahun dulu. Tetapi saya berpendapat kita mempunyai kelengkapan yang cukup untuk menghadapi masalah ini walaupun kita akan mengambil masa beberapa tahun untuk mengatasinya.

• **Soal:** Bagaimanakah buruknya keadaan di baha-

• **Jawab:** Ada banyak bab dalam buku itu. Setengah-setengahnya membuat teguran terhadap kaum China. Tetapi banyak juga yang membuat teguran terhadap orang-orang Melayu. Tetapi malangnya kaum China hanya membaca bahagian-bahagian yang membuat teguran terhadap mereka.

Orang-orang Melayu amat marah pada saya kerana kata-kata saya di dalam buku itu. Di Universiti Sains, buku itu digunakan sebagai buku teks buat beberapa ketika. Pelajar-pelajar Melayu marah terhadap saya kerana kata-kata saya mengenai kelemahan orang-orang Melayu.

Tetapi saya berpegang teguh kepada kebenaran, dan saya tidak nampak ada faedahnya untuk cuba menyembunyikan kelemahan

Ubat  
yang  
baik  
tidak  
sedap  
dirasa

MAY 1976  
DARI MUKA 4

Dalam ulasan mengenai buku saya itu oleh pelajar-pelajar Melayu di London, saya dikecam sebagai seorang Melayu yang anti Melayu. Dan saya dapati orang-orang China pula menganggap saya sebagai seorang anti China.

Apa yang saya buat ialah bercakap perkara yang benar. Saya menceritakan hal yang sebenar mengenai orang-orang Melayu dan China. Memanglah tidak siapa pun suka orang lain bercakap tentang kesalahan-kesalahan mengenai dirinya. Oleh itu saya menjadi tidak popular.

• **Soal:** Masalah-masalah yang Doktor sebut di dalam buku itu mungkin telah pun diatasi dengan jayanya. Sukakah Doktor mengulas mengenainya?

• **Jawab:** Pada umumnya ahli-ahli perniagaan berse-tuju bahawa orang-orang Melayu boleh diambil bekerja dan boleh berkhidmat dengan baik. Salah satu perkara yang amat menarik perhatian saya ialah perusahaan-perusahaan hotel di negara ini.

Dalam tahun 1965, saya bertanya pada seorang China sahabat saya, mengapa sebuah hotel besar tidak mengambil orang-orang Melayu untuk bekerja, ke-

pat dapat melihat, membaca dan memerhati apa saja yang berlaku di Barat, dan ini mendatangkan kesan buruk kepada nilai-nilai jenerasi muda kita.

Misalnya mereka tidak lagi menghormati orang-orang yang lebih tua, iaitu berlainan sama sekali dengan sikap belia dulu. Ini bererti orang-orang yang lebih tua sukar mengawal anak-anak mereka dan dengan itu kuranglah disiplin dan bertakulah penggunaan dadah. Inilah masalah-masalah yang kita hadapi. Saya tidak fikir ini disebabkan sistem pelajaran.

• **Soal:** Apakah nilai-nilai yang patut ada pada seseorang pemimpin Malaysia? Apakah nasihat Doktor kepada jenerasi muda berhubung dengan pelajaran, identiti negara dan juga politik?

• **Jawab:** Perkara utama yang suka saya nyatakan ialah kita mestilah sedar bahawa kita tinggal di sebuah negara yang berbilang kaum di mana kita menggunakan cara-cara yang berlainan untuk mengatasi masalah yang sama.

Setiap pemimpin perlu memahami sikap dan sebab-sebab orang lain menentukan pendirian mereka. Juga perlu baginya berpegang pada prinsip dan kebenaran. Kita tidak selah-

## Azam

Saya fikir ini menyebabkan para pelajar tidak dapat belajar dan bekerja bersama-sama. Ini adalah satu perkara yang kurang sihat, tetapi tidaklah pula seburuk anggapan orang, kerana ramai kanak-kanak dari semua kaum belajar di sekolah yang sama, dari peringkat rendah hinggalah ke universiti. Dan kita mempunyai agak ramai pelajar-pelajar yang menjadi teras golongan orang-orang yang memahami satu sama lain.

Saya fikir ini sudah cukup untuk "menebusi" apa jua yang kita rugi pada masa yang lalu.

• **Soal:** Pada pendapat Doktor, apakah ancaman paling besar kepada keselamatan kita sekarang?

• **Jawab:** Kegiatan-kegiatan komunis bertambah. Ini sudah pasti kerana mereka mendapat galakan dari kejayaan-kejayaan komunis di lain-lain negara. Pengganas-pengganas komunis bergerak sejak tahun 1948, dan ini bererti mereka mempunyai azam yang kuat. Mereka tidak mudah berputus asa dalam usaha untuk menggulingkan kerajaan.

Tambahan pula, ada orang-orang yang sentiasa

gian utara, terutama di sempadan Malaysia—Thai?

• **Jawab:** Masalah di bahagian utara amat berat, kerana tidak mudah bagi askar-askar kita memburu pengganas-pengganas kerana mereka boleh lari berlindung di seberang sempadan. Bilangan pengganas-pengganas ini bertambah, sebahagian darinya adalah kerana keadaan yang tidak stabil di bahagian selatan Thai.

• **Soal:** Bolehkah Doktor beritahu kami beberapa perkara mengenai buku Doktor itu?

kita sendiri semata-mata kerana kita tidak mahu diri kita dipersalahkan. Saya berpendapat setiap orang mestilah dipersalahkan. Kaum China mesti dipersalahkan dan orang Melayu juga mesti dipersalahkan. Tidak siapapun yang tidak pernah melakukan kesilapan. Tetapi bila orang hanya membaca bahagian yang mengecam mereka dan tidak membaca bahagian yang mengecam orang lain, maka timbullah perasaan tidak senang.

## LIHAT MUKA 9

cuali sebagai penjaga pintu. Katanya adalah mustahil untuk mengambil orang-orang Melayu bekerja dalam perusahaan hotel. Saya berranya lagi, "untuk jawaran kerani biasa pun tak boleh?" Juga tak boleh, jawabnya.

Tetapi sekarang kita boleh lihat orang-orang Melayu bukan saja bekerja sebagai kerani biasa, tetapi juga pengurus-pengurus besar di hotel-hotel dan hotel-hotel itu tidak pun merosot atau bankrap. Perusahaan hotel-hotel itu berjalan dengan baik.

Yang demikian, tidaklah benar bahawa orang-orang Melayu tidak layak bekerja di hotel-hotel. Dari jumlah 100 orang Melayu yang bekerja di hotel, 70 mungkin gagal. Tetapi yang lain-lain mencapai kejayaan cemerlang.

Kebanyakan kedai-kedai sekarang mempunyai pemuda-pemuda dan gadis-gadis Melayu sebagai juru jual dan lain-lain. Walaupun beberapa orang dari mereka gagal, tetapi setengah-setengahnya pula mencapai kejayaan yang cemerlang. Sekarang terdapat lebih ramai orang Melayu membuka perniagaan sendiri atau berkongsi dengan China.

Saya sendiri pun mempunyai perniagaan yang saya kongsi dengan orang-orang China. Salah satu syarikat